

EkuiNAS agih keuntungan

KUALA LUMPUR – Keuntungan yang dicatat oleh Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) telah membolehkan syarikat mengagihkan sebanyak RM120 juta kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB).

Pengagihan dana tersebut bertujuan untuk memberi manfaat kepada pemegang unit bumiputera dalam dana amanah yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd. (PNB).

Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, pengagihan RM120 juta itu adalah sebahagian daripada keuntungan bersih EkuiNAS setelah penutupan EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund (juga dikenali sebagai Dana I).

Menurutnya, ini membawa jumlah pengagihan yang telah diagihkan kepada PNB sebanyak RM320 juta, berikutan RM200 juta yang telah diagihkan pada tahun 2014.

“Prestasi EkuiNAS sehingga ke hari ini telah membuktikan model ekuiti persendirian memainkan peranan positif dalam menjana pertumbuhan ekonomi.

“Ini dapat dilihat melalui



RAJA ARSHAD (kiri) menyerahkan plak agihan keuntungan EkuiNAS kepada Pengerusi Kumpulan PNB, **Tan Sri Dr. Zeti Aziz (kanan)** sambil disaksikan oleh **Muhyiddin di Kuala Lumpur semalam.**

pencapaian kami yang berjaya menjana pulangan daripada pelaburan,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Majlis penyerahan pengagi-

han keuntungan kepada PNB itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi EkuiNAS, Tan Sri Raja Arshad Raja Uda.

Syed Yasir Arafat menerang-

kan, PNB dikenal pasti sebagai institusi yang sesuai untuk disalurkan pengagihan kerana mempunyai platform terbaik memandangkan rangkaian pemegang unit amanah yang luas.